



KENYATAAN MEDIA

PENJELASAN BERHUBUNG KEJADIAN BANJIR KILAT DAN STATUS PROJEK JALAN PINTASAN CAMERON HIGHLANDS, PAHANG

Kementerian Kerja Raya (KKR) mengambil maklum laporan media dan kebimbangan yang dibangkitkan berhubung kejadian banjir kilat serta tanah runtuh susulan hujan lebat di beberapa lokasi di Cameron Highlands, Pahang, termasuk gesaan supaya kerja-kerja Projek Jalan Pintas Cameron Highlands dihentikan sementara.

Untuk penjelasan, projek tersebut melibatkan pembinaan Jalan Pintas Tanah Rata, menaik taraf Jalan Persekutuan FT59 dari Tanah Rata ke Kea Farm serta menaik taraf Jalan Persekutuan FT434 (Jalan Griddle).

Pada masa ini, projek masih berada pada peringkat rekabentuk dan kajian penilaian. Sehingga kini, tiada sebarang kerja pembinaan fizikal berkaitan projek dilaksanakan di tapak, kecuali kerja penyelenggaraan rutin di jalan sedia ada. Oleh itu, sebarang dakwaan yang mengaitkan kejadian banjir kilat berkenaan dengan aktiviti pembinaan fizikal projek ini adalah tidak tepat.

Berdasarkan semakan awal, kejadian banjir di kawasan taman MARDI dan Padang Awam di Tanah Rata Cameron Highland, Pahang seperti yang dilaporkan pada 12 September 2026 adalah di jalan sekunder. Lokasi tersebut bukan sebahagian daripada jajaran jalan utama yang terlibat dalam projek ini.

Walau bagaimanapun, satu kejadian tanah runtuh berskala kecil telah berlaku di Jalan Tengkolok, iaitu kawasan di bawah skop penyelenggaraan rutin kontraktor projek. Kerja pembersihan sisa runtuhan telah dilaksanakan dengan segera dan telah selesai bagi memastikan keselamatan serta kelancaran pengguna jalan raya.

KKR memandang serius semua kebimbangan berkaitan keselamatan cerun, keadaan geologi, sistem saliran dan risiko bencana. Pelaksanaan projek ini tertakluk kepada semua penilaian, kelulusan dan syarat teknikal yang ditetapkan oleh pihak berkuasa berkaitan, termasuk Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA), Penilaian Impak Sosial (SIA), keperluan geoteknikal dan kelulusan Pihak Berkuasa Tempatan. Kerja pembinaan fizikal hanya akan dimulakan setelah semua kelulusan dan syarat berkaitan dipenuhi.

JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA

12 SEPTEMBER 2026

JKR